

Rumah jadi stor

MACAM-MACAM perangai aneh dilakukan segelintir warga kota Kuala Lumpur. Ada yang menternak haiwan dalam kawasan taman perumahan, lengkap dengan kandang dan reban hingga mengganggu ketenteraman.

Ada pula yang menjadikan kawasan awam milik sendiri. Misalnya menutup laluan dengan meletakkan pelbagai barang niaga seperti kerusi meja. Ada yang cop parkir di kawasan perumahan dan lain-lain.

Baru-baru ini pula Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) bertindak terhadap 12 pemilik kediaman di Taman Batu View, Pusat Bandar Utara di Pasar Borong kerana menjadikan kediaman mereka stor simpanan barang jualan tanpa kebenaran DBKL.

Dalam operasi tersebut, barangan dan peralatan niaga serta bahan makanan

seperti sayur-sayuran, buah-buahan, troli, bakul dan lain-lain disita dan dihantar ke Stor Sitaan DBKL untuk dokumentasi.

Kawan-kawan Kedai Kopi difahamkan, kebanyakan pemilik kediaman ini adalah peniaga di pasar borong. Mereka menjadikan rumah sebagai stor simpanan barang jualan seperti sayuran-sayuran dan bahan runcit.

Perbuatan penghuni itu merupakan tindakan sesuka hati menukar kediaman kepada stor simpanan secara haram. Penukaran seperti ini hanya boleh dilakukan menerusi Perintah Pembangunan.

Tanpa kebenaran bererti melakukan kesalahan di bawah Akta Perancangan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (WPKL) 1982. Memang wajar DBKL bertindak sebagai ingatan dan pengajaran kepada pemilik kediaman agar mematuhi peraturan.